



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN / 03 DISEMBER 2018

- 1. MOA MAHU PERTINGKAT PRODUKTIVITI SEKTOR PERTANIAN, AGRO MAKANAN**
 - **HARIAN METRO**
- 2. TINGKAT HASIL PADI**
 - **HARIAN METRO**
- 3. JABATAN PERTANIAN RAMPAS RACUN PEROSAK**
 - **UTUSAN MALAYSIA**
- 4. SULTAN NAZRIN BERKENAN LAWAT MAHA 2018**
 - **UTUSAN MALAYSIA**
- 5. PENCAPAIAN MEMBERANGSANGKAN FAMA SEMPENA MAHA 2018**
 - **KOSMO**
- 6. GUBAL AKTA PEMBAZIRAN MAKANAN**
 - **SINAR HARIAN**
- 7. BERAS NEGARA MENCUKUPI**
 - **SINAR HARIAN**
- 8. MAHA 2018 CIPTA SEJARAH**
 - **SINAR HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH :

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT

(MADA)

Serlang: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) berhasrat untuk mempertingkatkan produktiviti bagi sektor pertanian dan agro makanan negara sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada import.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, usaha itu antara hala tuju baru kementeriannya dalam memastikan negara tidak bergantung kepada import dari luar khususnya untuk susu segar, beras dan ruminan.

Beliau berkata, kementeriannya melihat ia adalah sasaran untuk tempoh lima tahun dan berharap ia akan dapat memberi manfaat terhadap keperluan dalam negara.

"Untuk susu segar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyatakan bahawa susu segar kini berada pada kadar pengehuaran 58 peratus dan ia dijangka meningkat kepada 100 peratus dalam tempoh lima tahun lagi.

Bagi beras pula, sasaran daripada 70 kepada 75 peratus dilihat praktikal manakala bagi ruminan adalah daripada 24 kepada 30 peratus.



FAKTA
Susu segar kini berada pada kadar pengehuaran 58 peratus

"Sasaran itu dilihat cukup bagi memenuhi kapasiti dalam jangka pendek dan sederhana yang dapat membantu industri, secara keseluruhannya" katanya selepas majlis pemeteraian perjanjian persefahaman antara Agrobank bersama Mydin Mohamed Holdings Bhd dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan Kuala La-

ngat pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2018 di sini, baru baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Agrobank Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Presiden Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Syed Alwi Mohamed Sultan, Pengarah Eksekutif Mydin Datuk Murad Ali Mydin Mohamad dan Pengerusi Ahli Lembaga Je-

maah PPK Kuala Langat Ab Razak Kasboliah.

Sementara itu, Syed Alwi berkata, Agrobank menyediakan pembiayaan berkelompok bagi membantu peserta di bawah Program Pelepasan Pemasaran Bersepadu Agropreneur Muda oleh PPK Kuala Langat.

"Inisiatif ini akan membantu golongan B40 dan M40 dengan menawarkan pembiayaan minimum RM3,000

hingga RM300,000 sebagai modal kerja," katanya.

Selain itu, katanya, kerjasama dengan Mydin akan membantu menyediakan pembiayaan bagi meningkatkan penyertaan usahawan agro dan membantu mengembangkan perniagaan mereka dalam sektor runcit moden.

Pada majlis sama, Agrobank turut melancarkan buku berjudul 'Teroka Po-

tensi Industri Sayur-sayuran Malaysia' yang menyediakan pelbagai maklumat berkaitan perniagaan berasaskan sayuran serta potensi perniagaan segmen berkenaan.

Ia dijual pada harga sebanyak RM65 dan ia bertepatan dalam membantu usahawan muda yang merancang untuk memulakan perniagaan dalam sektor tanaman sayuran.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN



SALAHUDDIN mencuba jentuai CASE yang dilancarkan di Serdang, baru-baru ini.

Tingkat hasil padi

■ **MARDI** perkenal mesin jentuai berteknologi tinggi untuk tujuan R&D produktiviti sawah, ringan beban petani

Nabil Basaruddin
nabil.basaruddin@nstp.com.my

Serdang

Aktiviti dan proses penuaian padi di Malaysia bakal berada pada dimensi baru dengan pengenalan mesin jentuai kompak, CASE pertama di negara ini.

Jentuai CASE yang lebih pendek dan kompak berbanding jentuai biasa, dilengkapi dengan kelengkapan terkini untuk meringankan beban petani dan meningkatkan keberkesanan penuaian padi.

Mesin jentuai berteknologi tinggi itu akan digunakan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi tujuan penyelidikan dalam

membantu meningkatkan produktiviti dan hasil padi negara.

Jurutera Projek Farmtrac Malaysia Sdn Bhd, SCS Group, Hanif Fahmi Mohamed Zin berkata, MARDI memiliki jentuai ini melalui peruntukan di bawah Pelan Mekansasi dan Automasi Agromakanan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Pusat Kejuruteraan dan Penyelidikan MARDI, Serdang.

"Tujuan utama pembelian adalah untuk penyelidikan tanaman padi di Malaysia seperti mengurangkan bendasing dalam tangki dan kehilangan padi yang dapat dikurangkan sehingga kurang

tiga peratus.

"Jentuai ini juga boleh digunakan untuk menuai jagung dengan hanya menggantikan kit (meja pemotong dan gelendong pelerai) mengikut kesesuaian jenis tanaman yang mahu dituai."

katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran itu di sini, baru-baru ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub hadir merasmikan mesin jentuai itu pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2018.

Jentuai itu adalah jenama CASE pertama memasuki pasaran Malaysia yang diimport dari kilang Harbin, China dan dipasang untuk

kegunaan menuai padi.

Hanif Fahmi berkata, jentuai itu direka khas dengan bahagian berputar yang sedikit berbanding mesin jentuai biasa bagi memudahkan penyelenggaraan mesin oleh mekanik.

Selain itu, katanya, roda getah sedia ada juga digantikan dengan trek besi bagi menangani masalah tanah jerlus serta mengurangkan pengumpulan selut pada roda jentuai semasa operasi mesin di sawah padi.

"Jentuai ini juga dilengkapi kabin bertutup dengan pendingin hawa supaya operator mesin tidak terkesan dengan bunyi enjin dan sistem operasi kilang jentuai.

"Penyelarasan jentuai juga mesti dilakukan supaya semua sistem mengikut piawai yang telah ditetapkan MARDI," katanya.



KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 03 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

Jabatan Pertanian rampas racun perosak

PUTRAJAYA 2 Dis. - Jabatan Pertanian merampas pelbagai jenis racun makhluk perosak tidak berdaftar di empat buah premis di Kinta dan Pengkalan Hulu, Perak yang bernilai RM1.146 juta.

Ketua Pengarahnya, Datuk Jamal Harizan Yang Razali (**gambar**) berkata, serbuan itu dilakukan oleh Unit Serbuan Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja pada 27 hingga 29 November lalu.

Beliau berkata, racun makhluk



perosak yang dirampas itu digunakan untuk kawalan rumput dan serangga, racun itu dipercayai mengandungi perawis aktif yang tidak berdaftar dan diharamkan penggunaannya di Malaysia.

"Produk ini mendapat permintaan tinggi kerana dijual lebih murah daripada harga pasaran. Kes ini disiasat di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 mengikut

seksyen 13(1) iaitu mengilang racun makhluk perosak tidak berdaftar.

"Kes itu juga disiasat mengikut Seksyen 20(3) iaitu menjual racun makhluk perosak tidak berdaftar dan Seksyen 53A(1)(a) iaitu memiliki racun makhluk perosak tidak berdaftar," katanya dalam kenyataannya di sini hari ini.

Sementara itu, Jamal Harizan mengingatkan agar pengguna dan petani tidak mudah terpedaya dengan sindiket yang menjual racun makhluk perosak yang tidak berdaftar.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 03 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTERNAKAN

MAHA 2018

Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa

Sultan Nazrin berkenan lawat MAHA 2018

SERDANG 2 Dis. - Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah hari ini berkenan melawat pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2018 sempena hari terakhir ekspo itu.

Baginda yang ditemani Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berangkat tiba di pekarangan Dewan A, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), di sini pada pukul 10 pagi.

Sultan Nazrin dan Tuanku Zara berkenan meluangkan masa selama satu jam dengan mencemar duli melawat ke Laman Perikanan dan Laman Ternakan.

Rumah pameran Pavilion

Perak menjadi lokasi singgahan terakhir baginda sebelum berangkat pulang pada kira-kira pukul 11 pagi.

Dalam lawatan itu, baginda turut diiringi oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Ketua Setiausaha Kementerian itu, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan.

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut meluangkan masa mengadakan lawatan selama kira-kira 15 minit ke beberapa tapak pameran di MAHA 2018.

MAHA 2018 yang bermula pada 22 November lepas akan melabuhkan tirainya pada pukul 10 malam ini. - BERNAMA



SULTAN NAZRIN SHAH (kanan) bersama Tuanku Zara Salim (dua dari kanan) tertarik dengan lembu yang dipamerkan di Laman Ternakan ketika melawat MAHA 2018 di Serdang, Selangor semalam. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 03 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

Pencapaian memberangsangkan FAMA sempena MAHA 2018

Nilai jualan cecah RM7.4 juta

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

SERDANG - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2018) menutup tirainya semalam dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya mencatat jualan sebanyak RM7.4 juta menerusi enam segmen di bawah program FAMA@MAHA 2018.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, segmen *Castle of Fruit* berjaya memperoleh jualan terbanyak dengan nilai RM3.24 juta.

"Produk paling laris di bawah segmen itu ialah anak pokok durian, buah nanas Josephine, baja, bunga Orkid dan jeruk.

"Segmen Empayar Makanan pula mencatatkan jualan sebanyak 2.2 juta dengan 702 menu dijual menerusi 95 gerai yang mengambil bahagian dalam segmen berkenaan.

"Sebanyak 40 peratus usahawan muda daripada 95 usahawan terlibat dalam Empayar Makanan kali ini," katanya pada sidang akhbar selepas program Rangkuman FAMA@MAHA 2018 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).



ISHAK (dua dari kiri) menyampaikan sijil Anugerah Gerai Terbaik Hashim (dua dari kanan) pada program Rangkuman FAMA @ MAHA 2018 di MAEPS, Serdang, Selangor semalam.



HASHIM menunjukkan produk Coconut Shake CT4NOR pada program Rangkuman FAMA@MAHA 2018 di MAEPS, Serdang semalam.

MAHA 2018
Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show

FAMA

Segmen Gerbang Food Truck memperoleh jualan sebanyak RM465,000, Agrobazaar Online (RM435,000) dan Butik Agromas (RM63,800).

Terdahulu, beliau menyampaikan sijil penyertaan kepada 95 usahawan yang menyertai segmen Empayar Makanan.

Anugerah Gerai Terbaik pula dimenangi oleh gerai Coconut Shake CT4NOR yang dimiliki Hashim Kidam.

Ishak berkata, nilai jualan tersebut menepati sasaran jualan yang ditetapkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Seramai 3.5 juta pengunjung hadir pada edisi MAHA kali ini. MAHA 2018 menjadi acara yang ditunggu-tunggu ramai

dengan lebih 1,500 gerai jualan dan pameran dibuka di MAEPS.

Acara dwitahunan yang menghimpunkan segala hasil pertanian terbaik dari seluruh negara itu berlangsung selama 11 hari bermula 22 November lalu hingga semalam.

Ia dirasmikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang turut melancarkan Dasar Agromakatan 2.0.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 03 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

Gubal akta pembaziran makanan

Kerajaan sedang lakukan kajian teliti untuk melaksanakannya

SERDANG

Akta Pembaziran Makanan akan digubal selepas kajian teliti mengenai keperluannya selesai dilaksanakan, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kewujudan akta ini dilihat penting dalam usaha kerajaan mengelak tabiat pembaziran makanan dalam kalangan rakyat.

"Purata seorang rakyat Malaysia membuang hampir satu kilogram makanan setiap hari memerlukan perhatian khusus.

"Bagi tujuan itu, kerajaan sedang mengkaji dengan teliti dari pelbagai sudut keperluan menggubal akta tersebut," katanya ketika berucap pada majlis penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2018 di sini, semalam.

Majlis penutupan pameran ekspo pertanian terbesar di Asia Tenggara di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini yang bermula sejak 22 November lepas itu turut dihadiri Menteri Pertanian



Wan Azizah (dua, kanan) menunjukkan buah 'Golden Melon' pada Majlis Penutup MAHA 2018 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, semalam.

dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Dr Wan Azizah berkata, melalui akta tersebut, masyarakat secara tidak langsung akan terdidik dalam menghargai dan mengelak tabiat pembaziran makanan.

Menurutnya, kerajaan juga sedang mempertimbangkan untuk mengenakan denda ke atas pelanggan di hotel dan restoran yang membazirkan makanan.

Beliau berkata kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga akan melaksana-

kan 'Program Food Bank Malaysia' bagi menangani isu pembaziran makanan di pusat membeli-belah.

Dr Wan Azizah berkata, program bakal dilaksanakan di seluruh negara bermula awal tahun hadapan itu akan menyaksikan lebih makanan diperolehi daripada pasar raya besar seperti roti, sayur dan buah-buahan diagih kepada mereka yang memerlukan.

"Dengan mengangkan tabiat pembaziran makanan, saya pasti secara tidak langsung ia dapat membantu mengangkan kos sara hidup rakyat," katanya.

MOA komited teliti cadangan

SERDANG - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) komited untuk meneliti kajian mengenai cadangan bagi mewujudkan satu akta untuk membendung pembaziran dan mengurangkan kadar sisa makanan di negara ini.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kajian itu bakal melibatkan perbincangan dengan beberapa kementerian antaranya Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, makanan banyak terbuang berlaku terutamanya menjelang musim perayaan. "Saya sedar daripada peng-

alaman kita terutama pada bulan Ramadan... hotel atau resort yang buat jamuan atau bufet kebanyakannya membuang makamu dengan begitu banyak.

"Jadi saya melihat perkara ini dengan sangat serius," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas majlis penutupan pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2018 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai cadangan akta itu yang ditumorkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika berucap pada majlis penutup MAHA 2018. - *Bernama*

Mengenai MAHA, Timbalan Perdana Menteri berharap pameran dwitahunan itu tidak menjadi sekadar satu pameran semata-mata, sebaliknya dimanfaatkan pengunjung dan pempamer dalam memajukan aktiviti atau industri agromakanan yang diceburi.

Beliau juga berharap pengunjung dapat menjadikan kejayaan golongan petani, penternak dan

nelayan serta usahawan industri asas tani sebagai inspirasi untuk menceburi bidang keusahawanan pertanian.

Beliau turut menzahirkan keyakinan kejayaan usahawan tani sehingga ke peringkat antarabangsa yang ditampilkan dalam MAHA akan mengubah persepsi negatif bidang agromakanan dalam kalangan masyarakat. - *Bernama*

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 03 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

Beras negara mencukupi

SERDANG - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub memberi jaminan bekalan beras dalam negara mencukupi meskipun negara menghadapi musim tengkujuh.

Menurutnya, rakyat tidak perlu risau apabila terdapat unjuran mengatakan bekalan mungkin tidak mampu bertahan lebih-lebih lagi jika berdepan musim el-nino yang ekstrem.

“Saya rasa bekalan beras mencukupi jadi rakyat jangan risau sebab stok kita memang mencukupi setakat ini.

“Memang sepanjang musim

tengkujuh, kementerian ambil langkah awal terutamanya dalam aspek bekalan makanan.

“Apa juga fenomena cuaca yang berlaku, kita sentiasa ambil langkah ke hadapan untuk bersedia jika berlakunya perkara kecemasan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Perasmian Penutup Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2018 (MAHA2018) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 03 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

SEMENA MAHA 2018 MAHA 2018

MAHA2018 cipta sejarah

Lebih 3.3 juta pengunjung, 26 MoU bernilai RM2.5 billion, nilai jualan cecah RM150 juta

BERSEKUTUAN

Pertanian, Kementerian dan Agensi Pelaksanaan Majlis 2018 (MAHA2018) mengahiri seperti memulakan apabila lebih 3.3 juta orang menghadiri pameran venenior yang diayak pada 22 November hingga 23 Desember 2018.

Lebih mengagumkan, sebanyak 26 Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani sepanjang MAHA2018 dengan nilai jualan bernilai RM2.5 bilion.

Menurut Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Sahabudin Ayub berkata, Kementerian juga berupaya mencipta 2000 peluang baru hasil padanan perniagaan dalam MAHA2018.

"Semasa 1,000 usahawan dari seluruh Malaysia dan sebanyak 42 peserta luar negara dari 12 buah negara mengahiri bahagian dalam MAHA2018.

"Kita juga terdorong MoU dengan nilai RM2.5 bilion. Nilai jualan di sini mencecah RM150 juta dan ini adalah pencapaian luar biasa untuk pameran sebegini.

"Nilai jualan melebihi sasaran kami kita. Saya rasa cukup terpuaskan dan saya lihat negara mempunyai potensi untuk terus maju dalam sektor pertanian," katanya.

Berlaku berkuat di ketika berucap dalam Majlis Perasmian

Pemula MAHA2018 yang diemulakan Terbitan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, di sini, semalam.

Tambah beliau, kejayaan pengahiran pameran tersebut pada tahun ini adalah kejayaan bersama semua pihak termasuk rakyat Malaysia yang menyokong MAHA2018.

"Ini adalah kejayaan kita bersama, kejayaan warga Kementerian, kejayaan rakyat tempatan dan kejayaan rakyat Malaysia.

"Berkuat semua pihak kita mesti jadikan lukisan pertanian di Malaysia seiring dengan kemajuan dalam negara kita," ujarnya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata pengahiran memulakan segala ilmu dan pengalaman diperah dalam MAHA2018 dalam usaha memajukan agrikultur.

Menurutnya, kejayaan usahawan hingga ke peringkat antarabangsa diharap mampu menangkis persepsi negatif terhadap bidang agrikultur.

"Bidang kesihatan pertanian menjadi sumber, satu sektor yang boleh dibina sebagai sumber tenaga manusia ekuiti tempatan.

"Malah MAHA, saya dapat menyahut usaha dan cabaran petani pertanian dan peranan dalam memulakan sumber maklumat dalam negara dapat dibina rakyat.

"Saya ajakan masyarakat lebih mengahiri dan mengahiri sektor pertanian makanan," katanya ketika berucap dalam majlis asmi.

Tambahnya, beliau yakin MAHA2018 telah memberi manfaat kepada semua golongan, sama terutamanya mereka yang terlibat dalam sektor pertanian.

"Saya percaya MAHA kali ini paling berjaya berbanding sebelumnya. Saya harap petani, pesetnik serta usahawan lain akan beri sokongan kepada kemajuan dalam jayakan rekones pertanian negara," ujarnya.

Muhammad Ismail Mohd Dah dari Sungai Bera, hanya ketemu merupakan pengunjung 3.3 juta di MAHA 2018.

REAKSI

MAHA sesuai untuk semua golongan masyarakat tak kira anak kecil sampai lah warga emas. Masing-masing boleh menikmati keadaan di MAHA. Kita juga diadahkan dengan pelbagai ilmu dan pendidikan yang sesuai untuk anak-anak." -Pensyari, petikan, pengahiran Anas Nabuan

Pertama kali datang ke MAHA2018, pengahirannya di luar jangkaan. Baru kita nampak bahawa sektor pertanian begitu luas cegahannya. Ini merupakan pengalaman dan ilmu baru buat saya." -Anisa Nurha Sharmah Bahr, 27

Disempurnakan oleh: Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail

Wan Azizah menyempurnakan majlis penutupan Terbitan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, di sini, semalam.

Wan Azizah menyempurnakan majlis penutupan Terbitan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, di sini, semalam.



Pemerhati pertanian sedang meninjau hasil kerja di dalam projek kebun sayur komuniti di Laman Flora sempena MAHA 2018 di MAEPS.



Baru heli yang dipaparkan di dalam pameran di Laman Flora untuk menarik perhatian sempena MAHA 2018 di MAEPS.



Pemilik Persekitaran MAEPS, Nur Hafizah Nadia Ramli, 29 menunjukkan 76 yang dihasilkan pada setiap tahun dan pameran di MAEPS sempena MAHA 2018 di MAEPS.



Nisarah Abu Dhamir, 55 berminat di dalam Laman Flora sempena MAHA 2018 di MAEPS.



Orang ramai mengunjungi MAEPS di hari terakhir MAHA 2018.



Pemilik persekitaran kucing Mabit menunjukkan projek unit kerja kucing komuniti sempena MAHA 2018 di MAEPS.



Pelajar peragap Miracle Garden bergambar bersama pada hari terakhir MAHA 2018 di Laman Flora sempena MAHA 2018 di MAEPS.